

16/07/2001

KDN risik sumber bekalan

KUALA LUMPUR, Ahad - Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan merisik sumber bekalan bahan lucah dalam usaha membanteras kegiatan itu dari peringkat akar umbi, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Chor Chee Heung.

Beliau berkata, ini kerana operasi yang dijalankan pihak penguatkuasa KDN dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), masih gagal membanteras penjualan bahan lucah secara berleluasa.

Katanya, kegiatan itu perlu dibanteras bagi mengelak gejala buruk, seperti jenayah seksual yang membabitkan remaja dan pelajar.

"Ini adalah satu sebab berlaku jenayah seksual seperti gadis muda kena rogol dan dibunuh," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau mengulas kebimbangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap pengedaran bahan lucah yang berleluasa hingga murid tadika juga boleh mendapatkannya.

Semalam, Perdana Menteri yang sedih dengan kejadian jenayah di luar batas kemanusiaan termasuk kes bunuh selepas merogol kanak-kanak dan pelajar sekolah sejak kebelakangan ini, berkata remaja mudah terpengaruh dengan filem lucah kerana bagi golongan itu, perkara berkenaan adalah sesuatu yang misteri dan baru.

Chor berkata, penguatkuasa KDN akan diarah memperhebatkan pemantauan secara lebih kerap.

"Pada masa sama, orang ramai perlu bekerjasama dengan memberi maklumat supaya tindakan segera dapat dilakukan," katanya.

Di KUANTAN, Persatuan Pengguna Pahang (Pac) meminta kerajaan mengurangkan siaran iklan, filem atau drama berunsurkan lucah dan ganas dalam media cetak dan elektronik.

Presidennya, Muhammad Sha'ani Abdullah, berkata kanak-kanak, terutama peringkat Tabika mudah terpengaruh apabila menonton iklan, filem atau drama sedemikian.

"Dengan menonton setiap hari, kanak-kanak akan menganggap kes rogol atau bunuh perkara biasa tanpa menyedari ia satu kesalahan mengikut undang-undang dan agama," katanya.

Di GEORGETOWN, Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, Penerangan dan Perpaduan negeri, Jahara Hamid, juga menggesa pihak berkuasa mengambil tindakan lebih tegas terhadap penjualan bahan lucah secara berleluasa.

"Apa yang membimbangkan mereka membelinya melalui duit poket sendiri dan menontonnya tanpa ada sebarang tapisan," katanya.

(END)